

Tingkatkan Kemahiran Dan Pelajari Kemahiran Baharu - PM
mStarOnline
17 Mei, 2014

PEKAN: Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tenaga kerja pada masa kini perlu meningkatkan kemahiran selain mempelajari kemahiran baharu untuk mengelakkan mereka ketinggalan zaman.

Perdana Menteri berkata ini kerana ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh suatu ketika dahulu sudah ketinggalan disebabkan teknologi berubah dengan pantas sekali.

"Sistem pendidikan negara juga perlu mengajar anak-anak kita untuk mengisi jenis-jenis pekerjaan yang hari ini belum wujud lagi.

"Inilah cabaran paling besar, macam mana nak sediakan anak-anak kita untuk mengisi pekerjaan belum wujud lagi, tetapi akan jadi kenyataan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Kolej Komuniti Pekan yang berharga RM12.3 juta di sini, Sabtu.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2013 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/05/17/najib-komuniti-pekan/>